

# -Rundingan Umno-

## Pas: Dr M

BN 26 APR 1986

# berpuas hati

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad, berpuas hati dengan pertemuan beliau dengan beberapa pemimpin Pas baru-bary ini.

"Peluang untuk berjumpa itu sudah boleh dikatakan bagus," kata beliau kepada *Bernama* selepas meraikan peserta dan hakim Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan di Bangunan Parlimen, hari ini.

Sambil mengesahkan laporan akhbar mengenai pertemuan yang dilangsungkan di kediaman beliau di Seri Perdana itu, Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenainya.

"Tidak ada apa-apa, cuma kita adakan pertemuan dan tak perlu saya jelaskan mengenai pertemuan itu," katanya sewaktu diminta menjelaskan perkara-perkara yang dirundingkan.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, menyifatkan pertemuan beliau dengan Yang Dipertua Agung Pas, Haji Yusuf Rawa; timbalan yang dipertua agung, Haji Fadzil Noor dan bendahari agung, Syed Ibrahim Abdul Rahman, sebagai 'pertemuan sesama Islam'.

Sumber-sumber memberitahu *Berita Harian* semalam bahawa Syed Ibrahim dikatakan mewakili Naib Yang Dipertua Agung Pas, Haji Hadi Awang, yang turut diundang menyertai pertemuan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membayangkan kemungkinan mengadakan pertemuan-pertemuan lain dengan Pas pada masa akan datang, tetapi belum menetapkan tarikhnya.

Pertemuan yang dilaporkan berlangsung kira-kira tiga jam itu antara lain membincangkan masalah-masalah yang mengancam perpaduan umat Islam di negara ini.